

Orang ramai digalakkan sertai bancian guna e-Census

Putrajaya: Tidak sampai sejuta isi rumah sudah menjawab bancian Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020 (Banci 2020), selepas 45 hari dilancarkan.

Ketua Perangkawan Malaysia, Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin, berkata pihaknya akan menjalankan usaha menggalakkan lebih ramai rakyat Malaysia menggunakan pendekatan bancian dalam talian atau e-Census untuk menyalurkan maklumat bagi Banci 2020.

Katanya, masih ramai yang terbiasa dengan kaedah banci secara berdepan seperti yang dijalankan sebelum ini, ada juga isi rumah yang berdepan kekangan liputan perkhidmatan internet.

Beliau berkata, ketika ini, pihaknya menggerakkan kios Banci 2020 di tempat tumpuan orang ramai, selain Pusat Transformasi Desa (RTC) serta pusat Internet FELDA bagi membantu orang ramai memasukkan maklumat bancian.

“Data yang kita peroleh mendapati responden dari Sabah dan Sarawak mencecah 50 peratus setakat hari ini (semalam) namun, kita juga menyedari ada individu yang menghadapi kekangan capaian internet.

“Justeru, mereka boleh menyemak dengan laman sesawang MyCensus, iaitu Jabatan Perangkaan Malaysia akan membuka kios bagi memudahkan maklumat bancian dihantar,” katanya kepada *BH*.

Selain sedang menyusun strategi bagi galak lebih ramai pihak menggunakan kaedah bancian e-Census, Mohd Uzir berkata, pihaknya akan mendapatkan kerjasama daripada kementerian dan agensi kerajaan.

Mengulas pertemuannya dengan Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, semalam, Mohd Uzir berkata, pihaknya berharap ia dapat menggalakkan lebih ramai penduduk

Mereka boleh menyemak dengan laman sesawang MyCensus, iaitu Jabatan Perangkaan Malaysia akan membuka kios bagi memudahkan maklumat bancian dihantar.

Mohd Uzir Mahidin,
Ketua Perangkawan Malaysia

di negara ini termasuk warga asing untuk turut sama menggunakan kaedah e-Census itu.

Katanya, beliau juga sudah mengadakan pertemuan dengan Panglima Angkatan Tentera, Jeneral Affendi Buang serta Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna untuk bersama membantu memberi penerangan kepada penduduk di negara ini.

“Kita berharap kerjasama dengan kementerian yang mempunyai ramai anggota untuk mereka dapat memaklumkan kepada penduduk mengenai e-Census.

“Kita juga berharap Dr Noor Hisham dapat menjadi pendorong untuk penduduk di negara ini menggunakan e-Census,” katanya.

Projek bancian yang memasuki edisi keenam kini membabitkan kira-kira 32.7 juta penduduk dan sembilan juta kediaman, dijalankan dalam dua fasa, dengan fasa pertama bermula dari 7 Julai hingga 30 September ini dilaksanakan menerusi e-Census, manakala fasa kedua akan bermula 7 hingga 24 Oktober menggunakan kaedah temu ramah secara bersemuka.



Mohd Uzir (kanan) ketika mengadakan pertemuan dengan Dr Noor Hisham bagi membincangkan kerjasama strategik di antara Jabatan Perangkaan Malaysia dan Jabatan Kesihatan di Putrajaya, semalam.